

# Ismail TNC Hepa UMS baharu

Oleh SITI AISYAH  
NARUDIN

4B 20.8.2014 B3

**M**ANTAN Pengarah Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKal) Prof. Madya Dr. Ismail Ali dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumi (TNC Hepa) UMS yang baharu menggantikan Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Md Mansur.

Pelantikan berkenan berkuat kuasa selama tiga tahun bermula 16 Ogos lepas hingga 15 Ogos 2017 selepas Kasim memegang jawatan berkenaan selama

lima tahun sejak 2009.

Sementara itu, Pengarah UMSKal baharu kini disandang oleh Prof. Madya Dr. Murnizam Halik.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, walaupun jawatan yang dipegang itu bersifat sementara, ia tetap membawa amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

“Justeru, kerjasama dan bantuan daripada semua pihak adalah penting bagi melancarkan lagi tugas yang dipikul,” katanya pada majlis penyerahan tugas TNC Hepa di Kota Kinabalu kelmarin.

Terdahulu, Kasim dalam ucapannya berkata, sepanjang menggalas tanggungjawab sebagai

jawatan.

“Jawatan sebagai TNC Hepa adalah satu tanggungjawab yang berat dan banyak cabaran terutamanya melibatkan kebaikan dan asrama pelajar.

“Justeru, kerjasama dan bantuan daripada semua pihak adalah penting bagi melancarkan lagi tugas yang dipikul,” katanya pada majlis penyerahan tugas TNC Hepa di Kota Kinabalu kelmarin.

Terdahulu, Kasim dalam ucapannya berkata, sepanjang menggalas tanggungjawab sebagai

TNC Hepa, banyak pengalaman berharga yang diperolehinya.

Pada masa sama, beliau yakin, sebagai TNC Hepa yang baharu, Ismail mempunyai pengalaman yang cukup dan mampu memikul jawatan berkenaan.

“Tanpa kerjasama baik dari semua pihak, pastinya tugas yang dipikul ini sukar untuk dilaksanakan,” katanya.

Sementara itu Ismail turut berharap dapat menjalankan tanggungjawab dengan terbaik untuk kecemerlangan UMS.



**HARUN** (dua kanan) menyaksikan Kasim (kanan) menyerahkan dokument tugas kepada Ismail (kiri) sambil diperhatikan oleh Pendaftar UMS Datuk Abdullah Said (dua kiri).